

Jururawat  
terpedaya  
pelaburan  
emas rugi  
RM20,000

Berita Harian AKHAB (5/6/2023)

**Kuantan:** Seorang jururawat dari Temerloh, kerugian lebih RM20,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan pelaburan saham emas, petroleum dan gas dalam talian yang tidak wujud.

Wanita berusia 44 tahun itu tertarik dengan tawaran pelaburan melalui aplikasi TikTok pada Mei lalu yang kononnya menjanjikan keuntungan tinggi dibayar kepada pelabur dalam masa singkat.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Deputy Superintendan Yap Huat Tian, berkata suspek menawarkan pakej pelaburan sebaik saja mangsa menghubungi nombor telefon tertera dalam iklan terbabit.

“Mangsa berminat dan memilih pakej emas, iaitu bayaran pelaburan sebanyak RM250.

“Suspek memberi jaminan kononnya dalam tempoh lapan hingga 12 jam, mangsa akan menerima pulangan lumayan sebanyak RM7,800 hasil pelaburan itu.

“Mangsa kemudian memberi maklumat diri seperti diminta suspek bagi memulakan pelaburan itu,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Huat Tian berkata, mangsa melakukan enam transaksi wang RM20,130 ke dalam beberapa akaun bank atas nama individu berbeza, bermula 28 Mei hingga Khamis lalu.

Katanya, semua pemindahan wang itu dilakukan bagi tujuan pelaburan dan suspek kemudian meminta mangsa membuat bayaran RM5,620 sebagai komisen staf pelaburan.

Bagaimanapun, beliau berkata, mangsa enggan terus membuat pembayaran diminta suspek kerana mengesyaki diri ditipu, sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Temerloh, kelmarin.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya sambil menasihati orang ramai membuat semakan terhadap akaun bank atau panggilan telefon jika berasa curiga sebelum melakukan sebarang pemindahan wang. Semakan juga boleh dibuat melalui <https://ccid.rmp.gov.my/semakmule>.

Yap Huat Tian

